



**PEPERIKSAAN PRA-KEMASUKAN IJAZAH LANJUTAN PERUBATAN  
[MEDICAL SPECIALIST PRE-ENTRANCE EXAMINATION (MedEx)]**

**ARAHAN KEPADA CALON  
INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

(ARAHAN KEPADA CALON INI MENGANDUNGI EMPAT (4) BAHAGIAN, IAITU BAHAGIAN A, BAHAGIAN B, BAHAGIAN C, DAN BAHAGIAN D.)

(THESE INSTRUCTIONS TO CANDIDATES CONSIST OF FOUR (4) PARTS, WHICH ARE PART A, PART B, PART C, AND PART D.)

| BHG. | PERKARA   |  |
|------|---|--|
| PART | CONTENT   |  |
| B.   | <b>Arahan Am Peperiksaan:</b><br><b>GENERAL EXAMINATION INSTRUCTIONS:</b>   |  |
| B.1  | <p>Calon mesti <b>berada di dalam bilik atau ruangan khas</b> yang tidak ada orang lain bersama calon. Tempat awam seperti <i>cybercafe</i>, restoran, makmal komputer, dan sebagainya <b>tidak dibenarkan</b>.</p> <p><i>Candidates must be in a room or designated space alone. Public place such as cybercafes, restaurants, computer laboratories and others are not allowed.</i></p>   |  |
| B.2  | <p>Calon perlu memastikan komputer yang digunakan <b>mematuhi spesifikasi</b> yang ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) (sila rujuk <b>Aplikasi dan Spesifikasi Komputer pada Bahagian A</b>).</p> <p><i>Candidates must ensure the computer used adheres to the specifications set by the Malaysian Examinations Council (MEC) (Kindly refer to the Computer Applications and Specifications, Part A)</i></p>   |  |
| B.3  | <p>Calon hendaklah <b>berpakaian sopan</b> atau <b>bersesuaian</b> semasa menduduki peperiksaan ini. MPM akan mengaktifkan <b>mod rakaman</b> sepanjang berlangsungnya peperiksaan ini. MPM berhak untuk menggunakan rakaman tersebut atas urusan rasmi dan kes-kes khas.</p> <p><i>Candidates are required to dress appropriately when sitting for this examination. MEC will be recording the session throughout the examination. MEC has the right to use the recording for official purposes and special cases.</i></p> |  |
| B.4  | <p>Calon dikehendaki berada di dalam talian pengawasan dalam aplikasi Zoom <b>1 jam sebelum</b> kertas peperiksaan bermula untuk semakan kehadiran dan taklimat pengendalian peperiksaan.</p> <p><i>Candidates are required to log in to the proctored Zoom link 1 hour before the examination starts for the attendance verification and examination briefing.</i></p>   |  |
| B.5  | <p>Calon dikehendaki menggunakan <b>nama sebenar</b> seperti pada slip pendaftaran peperiksaan (MedEx/D) pada ruangan "<b>Name</b>" pada aplikasi Zoom.</p> <p><i>Candidates are required to use their real name as stated in their Examination Registration Slip (MedEx/D) in the "Name" column on the Zoom application.</i></p>   |  |

| BHG. | PERKARA  |
|------|--|
| PART | CONTENT  |
|      | <p>B.6 Calon dikehendaki menggunakan latar belakang tempat yang sebenar dan dilarang menggunakan sebarang <i>virtual/blurred background</i> semasa berada dalam talian aplikasi Zoom sepanjang berlangsungnya peperiksaan ini.</p> <p><i>Candidates are required to use the actual background and are prohibited from using any virtual/blurred backgrounds on the Zoom application throughout the examination.</i></p>  |
|      | <p><b>PERINGATAN: CALON YANG GAGAL/TIDAK MENGAKTIFKAN BUTANG KAMERA PADA APLIKASI ZOOM SEMASA MENDUDUKI PEPERIKSAAN MedEx AKAN MENYEBABKAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN CALON DIBATALKAN.</b></p> <p><b>REMINDER: CANDIDATES WHO FAILED TO ACTIVATE THE CAMERA BUTTON ON THE ZOOM APPLICATION WHILE SITTING FOR THE MedEx EXAMINATION WILL CAUSE THEIR RESULTS TO BE CANCELLED.</b></p>   |
| B.7  | <p>Calon digalakkan untuk menggunakan alat pendengaran (<i>headphone/earphone</i>) ketika mendengar rakaman Taklimat Keselamatan Peperiksaan dan Prosedur Peperiksaan Secara Dalam Talian daripada Pengawas Peperiksaan.</p> <p><i>Candidates are recommended to use listening devices (headphone/earphone) when listening to the Examination Safety Briefing and Online Examination Procedure recordings by the Examination Proctor.</i></p>  |
| B.8  | <p>Calon mesti membawa <b>kad pengenalan</b> atau <b>pasport</b> semasa menduduki peperiksaan. Calon perlu mempamerkan kad pengenalan atau pasport di sebelah kanan muka calon dalam tempoh masa selama <b>30 saat</b> apabila diarahkan oleh Pengawas Peperiksaan. (Ini bagi tujuan merakamkan gambar calon). Calon yang <b>gagal</b> mempamerkan kad pengenalan atau pasport apabila diminta berbuat demikian oleh Pengawas Peperiksaan akan <b>dihalang</b> daripada mengakses aplikasi sistem peperiksaan MedEx.</p> <p><i>Candidates must bring their identification card or passport when sitting for the examination. Candidates are required to present their identification card or passport at the right side of their face for <b>30 seconds</b> when instructed by the Examination Proctor. (This is to record the candidate's picture). Candidates who fail to present their identification card or passport when instructed by the Examination Proctor will be barred from accessing the MedEx examination system application.</i></p> |
| B.9  | <p>Calon dikehendaki <b>memusingkan kamera (360 darjah)</b> untuk menunjukkan keadaan di sekeliling bilik peperiksaan (<i>surrounding check</i>) bagi memastikan tiada individu lain bersama calon.</p> <p><i>Candidates are required to turn their camera (360 degrees) to show the surrounding of their examination room (surrounding check) to ensure the absence of other individuals with the candidate.</i></p>  |

| BHG. | PERKARA  |  |
|------|--|--|
| PART | CONTENT  |  |
| B.10 | <p>Calon dikehendaki untuk <b>log in</b> ke dalam aplikasi sistem peperiksaan <b>MedEx</b> selepas selesai mendengar Taklimat Keselamatan Peperiksaan dan Prosedur Peperiksaan Secara Dalam Talian, iaitu <b>15 minit sebelum peperiksaan bermula</b>. Pautan sistem peperiksaan <b>MedEx</b> dan maklumat “<b>Username</b>” serta “<b>Password</b>” akan diberikan kepada calon pada Slip Pendaftaran Peperiksaan MedEx/D dua minggu sebelum tarikh peperiksaan.</p> <p><i>Candidates are required to log in to the MedEx examination system application once the Examination Safety Briefing and Online Examination Procedure ends, which is 15 minutes before the examination starts. The MedEx examination system link and “Username” as well as “Password” will be given to the candidates on the Examination Registration Slip (MedEx/D) two weeks before the date of the examination.</i></p> <p><b>PERINGATAN: APLIKASI SISTEM PEPERIKSAAN MEDEX HANYA AKAN DIAKTIFKAN 15 MINIT SEBELUM WAKTU PEPERIKSAAN BERMULA.</b></p> <p><b>REMINDER: THE MEDEX EXAMINATION SYSTEM APPLICATION WILL ONLY BE ACTIVATED 15 MINUTES BEFORE THE EXAMINATION BEGINS.</b></p> |  |
| B.11 | <p>Calon dikehendaki untuk membaca arahan soalan yang dipaparkan pada skrin komputer dengan teliti sebelum menjawab soalan.</p> <p><i>Candidates are required to read the questions' instructions on the computer screens carefully before answering the questions.</i></p>  |  |
| B.12 | <p>Calon tidak dibenarkan untuk mengakses aplikasi sistem peperiksaan MedEx selepas <b>30 minit</b> peperiksaan bermula.</p> <p><i>Candidates are not allowed to access the MedEx examination system application 30 minutes after the examination has started.</i></p>   |  |
| B.13 | <p>Calon yang mengalami <b>gangguan talian internet semasa peperiksaan sehingga tamat waktu peperiksaan</b> bagi kertas yang diambil dikehendaki membuat laporan melalui emel di <b><a href="mailto:medex@mpm.edu.my">medex@mpm.edu.my</a></b> dalam tempoh <b>24 jam</b> dari waktu peperiksaan berakhir. Calon dikehendaki mengemukakan <b>bukti sokongan</b> bersama laporan tersebut untuk pertimbangan/keputusan.</p> <p><i>Candidates who experience internet connectivity issues during the examination until the end of the examination for the paper are required to send a report via email to <a href="mailto:medex@mpm.edu.my">medex@mpm.edu.my</a> within 24 hours from the end of the examination. Candidates are required to submit supporting proof/evidence together with the report for any further consideration/decision.</i></p>  |  |
| B.14 | <p>Calon yang <b>dapat meneruskan peperiksaan selepas gangguan talian internet itu dapat diatasi</b> tidak akan diberikan tambahan masa. Namun demikian, calon boleh membuat laporan melalui emel di alamat <b><a href="mailto:medex@mpm.edu.my">medex@mpm.edu.my</a></b> dalam tempoh <b>24 jam</b> dari masa peperiksaan berakhir. Calon dikehendaki mengemukakan <b>bukti sokongan</b> bersama laporan tersebut untuk pertimbangan/keputusan.</p> <p><i>Candidates who are able to continue with the examination after the internet connectivity issue has been settled will not be given any additional time. However, candidates may send their report via email to <a href="mailto:medex@mpm.edu.my">medex@mpm.edu.my</a> within 24 hours from the end of the examination. Candidates are required to submit supporting proof/evidence together with the report for any further consideration/decision.</i></p>  |  |

| BHG. | PERKARA  |
|------|--|
| PART | CONTENT  |
| B.15 | <p>Calon yang mempunyai sebarang <b>pertanyaan berkaitan peperiksaan ini sebelum hari peperiksaan</b>, boleh menghubungi <b>Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi, MPM</b> pada hari Isnin hingga Jumaat dari jam 8.30 pagi hingga 5:00 petang (kecuali hari cuti umum) melalui telefon di talian berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. +603 – 6126 1634</li> <li>2. +603 – 6126 1745</li> </ol> <p>Calon juga boleh menghubungi MPM melalui e-mel di alamat berikut: <b>medex@mpm.edu.my</b></p> <p>Calon boleh mendapatkan maklumat terkini berkaitan peperiksaan MedEx melalui <b>channel telegram</b> di pautan berikut:</p> <p><a href="https://t.me/medex12024">https://t.me/medex12024</a> - untuk peperiksaan MedEx 1 2024<br/> <a href="https://t.me/medex22024">https://t.me/medex22024</a> - untuk peperiksaan MedEx 2 2024<br/> <a href="https://t.me/medex32024">https://t.me/medex32024</a> - untuk peperiksaan MedEx 3 2024</p> <p><i>Candidates who have any <b>queries regarding this examination before the examination day</b> may contact the <b>Competency Constructive And Administrative Division, MEC</b> from Monday to Friday, 8:30 a.m. until 5:00 p.m. (except for public holidays) via the following hotlines:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. +603 - 6126 1634</li> <li>2. +603 - 6126 1745</li> </ol> <p><i>Candidates may contact the MEC via email using the following email address: <b>medex@mpm.edu.my</b></i></p> <p><i>Candidates may obtain the latest information regarding MedEx through the <b>Telegram Channel</b> using the following links:</i></p> <p><a href="https://t.me/medex12024">https://t.me/medex12024</a> - for MedEx 1 2024 examination<br/> <a href="https://t.me/medex22024">https://t.me/medex22024</a> - for MedEx 2 2024 examination<br/> <a href="https://t.me/medex32024">https://t.me/medex32024</a> - for MedEx 3 2024 examination</p> |
| B.16 | <p>Calon yang menghadapi <b>masalah semasa hari peperiksaan</b>, boleh menghubungi <b>MPM di talian hotline</b> yang berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. +603 – 61261765</li> <li>2. +603 – 61261766</li> <li>3. +603 – 61261767</li> <li>4. +603 – 61261768</li> </ol> <p><i>Candidates who are experiencing <b>problems on the examination day</b>, may contact the <b>MEC via the hotlines</b> as follows :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. +603 – 61261765</li> <li>2. +603 – 61261766</li> <li>3. +603 – 61261767</li> <li>4. +603 – 61261768</li> </ol>  |

**BAHAGIAN PEMBINAAN DAN PENGENDALIAN KOMPETENSI  
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

**COMPETENCY ITEM BUILDING AND ADMINISTRATIVE DIVISION  
MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL**